

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 7 (12)

24 Februari 2020
30 Jamadilakhir 1441

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 8/2020

PEMAKAIAN PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2019 PEMBERIAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN DIAWALKAN KEPADA PEGAWAI YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN SEBELUM TARIKH PERGERAKAN GAJI

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 105 bertarikh 9 Januari 2020 telah meluluskan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2019 berkenaan Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) diawalkan kepada Pegawai yang Meninggal Dunia dalam Perkhidmatan sebelum Tarikh Pergerakan Gaji.

2. Pekeliling ini adalah bertujuan menambah baik pelaksanaan pemberian PGT kepada pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan sebelum Tarikh Pergerakan Gaji (TPG). Dalam hal ini, PGT pegawai tersebut akan diawalkan pada tarikh pegawai meninggal dunia.

3. Pemberian PGT dalam Pekeliling Perkhidmatan ini tertakluk kepada syarat dan kadar sedia ada dalam peraturan-peraturan berkaitan yang berkuat kuasa, terutamanya syarat-syarat yang berikut:

- 3.1 pegawai mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- 3.2 diperakukan oleh Ketua Jabatan; dan
- 3.3 diluluskan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Universiti.

4. Bagi maksud menjalankan kuasa Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) seperti yang diperuntukkan dalam peraturan 27(2),P.U.(A)1/2012, PPSM Universiti adalah diwakilkan kuasa untuk mengawal PGT pegawai, tertakluk kepada syarat-syarat pemberian PGT yang telah ditetapkan.

...2/-


5. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Januari 2019**.

6. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum mengenai pemberian Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) diawalkan kepada Pegawai yang Meninggal Dunia dalam Perkhidmatan sebelum Tarikh Pergerakan Gaji. Maklumat lanjut berhubung Pekeliling boleh dimuat turun melalui Sistem UTMHR <https://hrfin.utm.my/smu> atau merujuk kepada Seksyen Perkhidmatan & Saraan, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, Universiti Teknologi Malaysia.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan – UTM Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah